

Nota Nasihat bagi Penilaian Pas Lawatan Jangka Panjang Pra-Perkahwinan

Penilaian Pas Lawatan Jangka Panjang Pra-Perkahwinan (PMLA) percuma dalam talian ini akan memberi pasangan Warganegara Singapura (SC) dan Bukan Penduduk (NR) gambaran lebih jelas dalam perancangan untuk perkahwinan dan menetap di Singapura. Melalui penilaian percuma ini, seorang Warganegara Singapura yang berhasrat untuk berkahwin dengan seorang Bukan Penduduk boleh memeriksa sama ada pasangan Bukan Penduduk yang dimaksudkan itu berkemungkinan layak untuk Pas Lawatan Jangka Panjang (LTVP). Ini penting kerana perkahwinan dengan seorang Warganegara Singapura tidak secara automatik melayakkan pasangan asing untuk tinggal di Singapura bagi jangka masa panjang.

Nota Penting

- a. Borang PMLA dalam talian mesti dilengkapkan dalam Bahasa Inggeris.
- b. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar dalam tempoh 7 hari dari tarikh mula draf. Borang yang tidak dihantar dalam tempoh 7 hari akan dipadam secara automatik.**
- c. Warganegara Singapura dan pasangan Bukan Penduduk yang dimaksudkan harus melengkapkan bersama-sama, menyemak, dan mengisytiharkan bahawa semua butir-butir yang diberikan dalam borang tersebut adalah benar dan betul.
- d. Sebarang pernyataan dan/atau perisytiharan palsu berhubung dengan PMLA akan menyebabkan keputusan penilaian menjadi tidak sah.
- e. PMLA akan diproses dalam masa sebulan.
- f. Pasangan yang mempunyai penilaian positif akan diberi Surat Kelayakan ("Surat") dan boleh memohon untuk mendapat LTVP dalam tempoh satu tahun selepas menerima "Surat" tersebut. "Surat" tersebut bukan LTVP dan tidak merupakan kelulusan bagi LTVP.
- g. Permohonan untuk mendapatkan LTVP diperlukan jika pasangan NR berhasrat untuk menetap di Singapura selepas pasangan tersebut berkahwin secara sah.
- h. Pemegang Permit Kerja sedia ada dan bekas (termasuk Permit Kerja Latihan) yang ingin berkahwin dengan Warganegara Singapura atau Penduduk Tetap di Singapura atau di luar negara, tidak kira jenis perkahwinan (sivil, agama atau adat) mesti terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Pengawal Pas Kerja. Jika mereka gagal berbuat demikian, hak istimewa mereka untuk bekerja di Singapura boleh ditarik balik. Mereka juga mungkin dihalang daripada memasuki Singapura untuk satu tempoh masa. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [laman web](#) Kementerian Tenaga Manusia (MOM).

Maklumat yang diperlukan

Borang ini mungkin mengambil masa kira-kira 20 minit untuk dilengkapkan. Warganegara Singapura dan pasangan Bukan Penduduk yang dimaksudkan akan memerlukan butir-butir berikut untuk melengkapkan borang:

- a. Maklumat bio-data seperti tarikh lahir
- b. Maklumat kediaman, termasuk butir-butir mengenai hartanah kediaman
- c. Rekod imigresen, termasuk butir-butir pasport dan sejarah perjalanan
- d. Sejarah perkahwinan (jika berkenaan)
- e. Kelayakan pendidikan
- f. Maklumat pendapatan
- g. Maklumat perubatan (jika berkenaan)
- h. Rekod jenayah (jika berkenaan)
- i. Dokumen yang diperlukan:**
 - i. Pasport/dokumen perjalanan pasangan Bukan Penduduk yang dimaksudkan**
 - ii. Surat Kelulusan Perkahwinan oleh Kementerian Tenaga Manusia untuk pemegang Permit Kerja sedia ada/bekas (termasuk Permit Kerja Latihan) yang memerlukan kelulusan MOM untuk berkahwin.**